

# Penerimaan Dan Halatuju Tulisan Jawi; Suatu Tinjauan dari Pandangan Remaja Kini

Dr. Nur Azuki Yusuff  
Dr. Nik Yusri Musa

## Abstrak

Usaha memartabatkan tulisan jawi perlu seiring dengan keperluan dan kewajaran kelangsungan perjuangan ini. Keperluan tulisan jawi kini sudah dilihat melalui beberapa dimensi berbeza. Apa yang ingin diketengahkan penulis berkenaan pandangan remaja kini berkenaan penerimaan mereka beserta sejauhmana halatuju tulisan jawi ini boleh berlansung jangka masa hadapan. Selain tu turut dibincangkan ialah ukuran cabaran tulisan jawi di samping strategi yang perlu bagi kelangsungan martabat tulisan ini

## 1.0 Pendahuluan

Usaha memartabatkan tulisan jawi perlu seiring dengan keperluan dan kewajaran kelangsungannya. Kewajaran penggunaan perlu mengambilkira permintaan dan kepentingan semasa, kerana ia mencerminkan pembangunan seimbang dan rancak. Mungkin pandangan sebegini sesuai berkenaan pasaran semasa sesuatu dalam dunia ekonomi. Namun ia turut relevan kepada perbincangan prospek tulisan jawi yang dilihat kini melalui beberapa dimensi permintaan berbeza.<sup>1</sup>

Sebagaimana dimaklumi, penggunaan tulisan Jawi pernah mendominasi Alam Melayu sekitar abad ke 17M dan 19M. Dalam tahun 1750-an, ia diiktiraf sebagai tulisan utama bagi kesusasteraan Melayu klasik dan tetap terus bertahan sampai selepas Perang Dunia kedua dalam negeri-negeri Melayu terutama Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan negeri-negeri Melayu di luar Semenanjung seperti Brunei, Riau-lingga, Siak seri Inderapura, Jambi, Palembang, Deli-Serdang, Aceh, Pontianak, Sambas dan Banjarmasin. (Amat Juhari, 1996)

Detik kemerosotan penulisan Jawi bermula apabila wujudnya Akta Bahasa 1963 yang menetapkan tulisan Rumi menjadi tulisan Rasmi Bahasa Melayu. Bermula dari situ, pelbagai kekangan terus dihadapi dalam memurnikan tulisan jawi yang semakin terancam. Sistem ejaan dan tulisannya bagaikan kehilangan akar sejarah dan daya kekuatan untuk bersaing dengan tulisan Rumi. Ia semakin sukar ditentukan hala tujunya, kurang berupaya mempengaruhi masyarakat Melayu untuk menguasai diri mempelajarinya. Penguasaan masyarakat di Malaysia kini dalam bacaan dan ejaan tulisan Jawi sangat menyedihkan, seolah-olah tulisan Jawi tidak mendapat tempat yang jitu di hati mereka. Tulisan Jawi pasti berkubur sekiranya tiada pihak yang mengambil berat. (Siti Fatimah Ahmad, 2010)

Dengan mengambilkira senario tersebut, penulis cuba seiring dalam usaha memartabatkannya melalui pendekatan penyelidikan ringkas yang berobjektifkan;

1. Mengetengahkan prospek tulisan jawi. Ianya diukur melalui pandangan penerimaan, penguasaan tulisan dan keterkaitan pembangunan Islam dengan tulisan jawi.
2. Membina strategi halatuju tulisan jawi. Dengan cara menilai kepentingannya dan keterkaitannya dengan Bahasa Melayu dan Islam merujuk kepada Lingua Franca dan mengenalpasti strategi terbaik mengkayakan tulisan jawi.

---

<sup>1</sup> Secara umum berdasarkan pengamatan, dimensi remaja seperti menukarkan tulisan rumi sedia ada kepada jawi, mengekalkan (meletakkan satu akta bahawa) tulisan jawi sebagai warisan negara, mengekalkan kedudukan kini dengan hanya segelintir sahaja yang memperjuangkannya atau membiarkannya berkubur tanpa diperjuangkan.

## 2.0 Kajian-Kajian Lepas

Sebelum terus kepada perbincangan kajian penulis. Ada baiknya diketengahkan beberapa kajian ilmiah yang telah dibuat untuk membuktikan fenomena permasalahan ini berlaku.

Menurut Isahak Haron et.al (2005), fenomena ini berlaku seawal tahun 1960-an apabila penguasaan Jawi dalam kalangan pelajar Islam di sekolah merosot. Ia berpunca dari tulisan Jawi telah diganti dengan tulisan Rumi dalam penerbitan buku teks dan buku-buku rujukan Pendidikan Islam. Namun, pada pertengahan 1980-an atas desakan daripada masyarakat Islam umumnya, tulisan Jawi diguna semula untuk pengajaran Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun penguasaan membaca dan menulis Jawi dalam kalangan pelajar tidak seperti dahulu lagi.

Perkara ini telah dibuktikan melalui beberapa kajian yang dijalankan oleh para penyelidik yang berminat untuk meninggikan martabat tulisan Jawi kembali seperti zaman kegemilangannya. Hasil kajian berkenaan penguasaan tulisan Jawi mendapati:<sup>2</sup>

1. Berdasarkan laporan pemantauan j-QAF peringkat negeri Sarawak 2008, rentetan hasil dari pemantauan ke beberapa buah sekolah di Bahagian Sarikei dan Bahagian Sibul Mendapati masih ramai pelajar yang belum menguasai kemahiran jawi dan didapati terdapat guru j-QAF yang kurang jelas konsep Kelas Pemulihan Jawi.

2. Kajian oleh Sabariah (2008) mendapati prestasi murid dalam Model Pemulihan Jawi masih berada pada tahap sederhana (min 2.5 – 2.99). Kajian ini melibatkan 305 guru j-QAF ambilan tahun 2005, 2006 dan 2007 di sebuah institusi perguruan di Sabah. Berdasarkan keseluruhan min bagi perolehan data menunjukkan tahap pencapaian pelajar adalah sederhana dan belum memuaskan.

3. Kajian oleh Siti Fatimah (2007) ke atas 15 orang pelajar menjadi responden dengan menggunakan kaedah kualitatif daripada 3 aspek yang dikaji mendapati; 42% tidak mengenali huruf jawi, 65.4% tidak boleh menulis jawi dan 48.4% tidak boleh membaca huruf jawi.

4. Kajian oleh Nik Rosila (2007) berdasarkan 400 orang pelajar Tingkatan 2 dan 4 daripada dua buah sekolah menengah di Shah Alam dan Kuala Lumpur. Mendapati penguasaan jawi adalah lemah dalam aspek penguasaan Jawi yang menguji kemahiran menulis dan mengeja Jawi, ujian menjawab soalan aneka pilihan, ujian kemahiran menulis soalan esei dan ujian menulis ayat al-Quran.

5. Juga berdasarkan kajian oleh Siti Fatimah et. al (2007) berhubung dengan penguasaan huruf tunggal jawi mendapati: 100 % murid tidak mengenali huruf ي (ya leweh) berbanding huruf 4) 1.2 %). Manakala 5.9 % murid mengenali huruf ث, 17.6 % huruf و dan ال, 58.8 % huruf غ, 64.7 % huruf خ, ء dan 76.5 % murid mengenali huruf ز. Kajian mendapati bahawa 23.5 % murid mengenali huruf ف, 52.9 % huruf ض. Hasil yang menarik sekali ialah keseluruhan murid 100 % mengenali huruf د. Hampir keseluruhan murid 70.6 % dapat mengenali huruf خ, س, ش, ص, ط, ف, ق, 82.4 % huruf ظ, ع, ه, ك, ل, ر, ح, ت, ب, ا, هـ, % 2.88, ج, ذ, م, ن, % 1.49 nad

---

<sup>2</sup> Sila rujuk Siti Fatimah Ahmad (Munsiy Dewan), pengkhususan bidang tulisan Jawi, 29 Oktober 2010 (Jumaat)/ 2323 malam - Sarikei, Sarawak. Dan dalam blognya bertajuk "Tulisan Jawi Semakin Terancam, 30 Okt. 2010.

100 % murid tidak boleh membaca huruf ا, (% 9.53) ة furuh gnidnabreb (hewel ay) ي Perutusan boleh baca huruf ة menurun berbanding mengenali huruf tersebut. Manakala 5.9 % murid boleh baca huruf ث dan ال 11.8 % huruf و dan ال. Manakala, 23.5 % murid boleh baca huruf ف, 47.1 % huruf nad غ 52.9 % huruf ض. Huruf –huruf ini mudah dibaca sebagaimana murid mengenali huruf tersebut. 76.5 % murid boleh membaca huruf ه, ز, Huruf % 001 iasaugnem hisam د jumlah murid dalam pembacaan. Kajian juga mendapati bahawa 58.8 % murid boleh membaca huruf خ, ط, غ, % 7.46, ء, ق, س, 70.6 % huruf ص, ش, ص, 4.28 % furuh ظ, ع, ك, ي, % 2.88, ث, ج, ذ, م, ن, nad % 1.49, ض, خ, helob % 1.49, membaca dengan mudah huruf ا, ب, ت, ح, ر, ل, و. Hasil kajian yang diperolehi mendapati kebanyakan murid sudah boleh membaca hampir semua huruf-huruf tunggal jawi.

100 % murid tidak boleh menulis huruf ث berbanding huruf ا yang dapat dikuasai sepenuhnya (100 %). Dapatan juga memperolehi hanya 5.9 % murid boleh menulis huruf ق, ال 29.4 % huruf ال. Kemudian 35.3 % huruf ص, ض. Manakala 47.1 % huruf خ, dan 58.8 % huruf ز, غ, ف. Pengkaji mendapati terdapat huruf-huruf yang tiada dalam sukatan bersama dengan huruf dalam sukatan dapat dikuasai oleh segelintir murid dari sudut penulisan iaitu 17.6 % huruf ه dan ي (ya leweh), 41.2 % huruf ط, ظ, ف, غ, م, , % 52.9, ع, ن, و, ش, ر, ذ, ح, ء, ة, dan 64.7 % murid boleh menulis huruf ا, ب, ت, ح, ر, ل, و. Dapatan ini berbeza dengan tahap mengenal dan membaca di mana terdapat huruf yang mereka tidak boleh kenal dan baca tetapi boleh pula ditulis. (Siti Fatimah Ahmad (Munsiy Dewan), Oktober 2010).

Hasil dari kajian-kajian tersebut menunjukkan majoriti anak muda Melayu di Malaysia tidak dapat menguasai pembacaan dan penulisan Jawi. Perkara ini cukup menyedihkan, secara telahan seolah-olah boleh diibaratkan “seperti kacang lupakan kulit”.

### 3.0 Pengumpulan dan Penganalisisan Data

Merujuk kepada objektif kajian, antara yang ingin diketengahkan penulis ialah berkenaan penerimaan remaja kini beserta halatuju tulisan jawi ini sekiranya berlansung jangka masa hadapan. Turut dibincangkan ialah ukuran cabaran tulisan jawi di samping strategi yang perlu bagi kelangsungan martabat tulisan ini.

Skop kajian ini melibatkan 170 orang remaja berumur sekitar 19 dan 20 tahun yang berada di Universiti Malaysia Kelantan. Skop remaja dipilih berdasarkan populasi masyarakat Malaysia dari sudut jantina, perbezaan etnik dan sub-etnik serta latar belakang sekolah menengah. Kesahan demografi responden sebagai pelajar IPT dirujuk mengambilkira nombor metrik. Penulis pada awalnya ingin mengambilkira pandangan bukan muslim, namun berdasarkan pengamatan awal, keputusan diambil untuk hanya mengambil pandangan pelajar muslim sahaja kerana ingin mengukur keperihatinan mereka terhadap tanggungjawab menjaga tulisan al-Quran (jawi) ini.

Dua bahagian utama diukur ialah berkenaan Penerimaan dan Halatuju yang memfokus kepada Cabaran Dan Strategi Penguasaan. Penyelidikan ringkas ini diukur secara kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif diukur melalui ukuran nominal; Amat Ya (), Ya (), kurang Ya (), Kurang Tidak(), Tidak() dan Amat Tidak(). Secara jelas, persoalan yang ingin dijawab ialah:

1. Mengetahui adakah tulisan Jawi masih boleh mengambillalih penggunaan tulisan Rumi pada masa hadapan.
2. Mengenalpasti adakah Islam boleh membangun/mantap tanpa tulisan Jawi.
3. Mengetengahkan tahap penguasaan tulisan Jawi oleh remaja kini secara rawak.

Setelah dijelaskan kemampuan dan kedudukan tulisan jawi pada jangka ke hadapan. Penulis secara ringkas juga ingin mengemukakan pandangan remaja dari sudut halatuju (cabaran dan strategi penguasaan):

1. Mengukur kepentingan tulisan Jawi.
2. Memastikan adakah Islam akan hilang dengan hilangnya tulisan Jawi.
3. Melihat keterkaitan tulisan Jawi dengan Bahasa Melayu dan Islam merujuk kepada Lingua Franca.
4. Mengenalpasti faktor yang boleh mewajibkan usaha penguasaan tulisan Jawi.

### 3.1 Penganalisan Dapatan Kajian

Setelah data dikumpul, rumusan diperolehi berkenaan **penerimaan dan halatuju** adalah sebagaimana berikut:<sup>3</sup>

1. Adakah tulisan Jawi boleh mengambilalih penggunaan tulisan Rumi pada masa hadapan?

Amat Ya (14) Ya (69) kurang Ya (49) Kurang Tidak(18) Tidak(17) Amat Tidak(3)

14	8%	69	41%	49	29%	18	11%	17	10%	3	2%
----	----	----	-----	----	-----	----	-----	----	-----	---	----

49% remaja berkeyakinan menjawab Ya (69) dan amat Ya (14) dengan sebab mereka optimis akan pertambahan buku bertulisan jawi dan melihat tulisan Arab boleh menjadi tulisan perantara (lingua franca) ekoran penerimaan sistem matawang dan ekonomi Islam di peringkat global. Ia mewakili hampir separuh pandangan responden.

Namun, ramai juga (49) yang kurang yakin walaupun mengharapkannya. Harapan ditunjuk dengan mengemukakan cadangan tindakan meningkatkan ajaran Islam, meluaskan prospek, membina strategi dan perbanyakkan rujukan penulisan arab dan perbanyakkan penggunaannya.

Hanya 3 responden mewakili 2% yang betul-betul tidak yakin bahawa tulisan jawi boleh mengambilalih tulisan rumi pada masa hadapan atas alasan kerana tulisan rumi adalah tulisan rasmi kebangsaan kini.

Manakala 35 orang menyatakan tulisan jawi masih belum mampu menggantikan tulisan rumi. Alasan mereka ialah kerana sudah selesa dengan tulisan rumi, tulisan jawi semakin dilupakan, pengaruh hegemoni barat, masalah minat, kurang penekanan oleh pihak kerajaan dan turut menyokong kerana tidak menguasai tulisan jawi.

2. Bolehkah Islam membangun/mantap tanpa bersamanya tulisan Jawi pada masa hadapan?

Amat Ya (24) Ya (54) kurang Ya (20) Kurang Tidak(20) Tidak(39) Amat Tidak(13)

24	14%	54	32%	20	12%	20	12%	39	23%	13	8%
----	-----	----	-----	----	-----	----	-----	----	-----	----	----

Secara ironinya walaupun ramai melihat kemampuan tulisan jawi menyaingi tulisan rumi, namun 78 responden mewakili 46% menyatakan Islam boleh berdiri tanpa disokong oleh tulisan jawi. Jawapan mereka ini berdasarkan sejarah bahawa kebangkitan Islam dahulu memang tidak disokong tulisan jawi, tulisan ini hanya menyokong amalan kesusasteraan tulisan apabila Islam sudah bertapak di Tanah Melayu sahaja.

Seramai 31% responden tidak bersetuju dengan pandangan di atas dengan mempertahankan bahawa tulisan jawi adalah tulisan al-Quran dan ianya boleh bangkit atas

<sup>3</sup> Angka yang dinyatakan dalam kurungan () adalah mewakili bilangan responden.

permintaan pengamal juga mengambilkira tulisan ini begitu menarik dan indah dipandang berbanding tulisan lain. Bahkan 13 responden dengan tegas berpendirian bahawa bangkitnya Islam dengan bangkitnya tulisan jawi.

Begitupun, 40 responden yang mewakili 24% masih berbelah bahagi untuk menerima tulisan jawi atau tidak digandingkan dengan amalan kesusasteraan penulisan dalam Islam.

### 3. Anda menguasai tulisan Jawi dengan baik?

Amat Ya (13) Ya (59) kurang Ya (70) Kurang Tidak(11) Tidak(11) Amat Tidak(6)

13	8%	59	35%	70	41%	11	6%	11	6%	6	4%
----	----	----	-----	----	-----	----	----	----	----	---	----

Selepas momokan dibuat dari melihat masa depan tulisan jawi, penulis melontarkan soalan tentang tahap penguasaan jawi responden untuk mengukur sejauhmana masa hadapannya boleh bertahan baik atau tidak.

Seramai 13 iaitu 8% responden sahaja amat yakin akan penguasaan tulisan jawi mereka. Itupun disebabkan faktor pendidikan berlatarbelakangkan pengajian agama, dorongan keluarga dan minat. 35% merasakan mereka masih mampu membaca dan menulis dalam tulisan jawi walaupun dari sudut amalan jarang sekali.

Manakala 70 orang kurang yakin dengan kemampuan mereka walaupun di peringkat pengajian menengah mereka didedahkan dengan tulisan jawi. Ini disebabkan kerana kurang praktik, kemampuan terhad, kurang pendedahan dan belajarpun hanya di peringkat rendah dan menengah sekadar untuk lulus baik peperiksaan sahaja.

Seramai 10% atau 15 orang mengakui mereka lansung tidak pandai, bahkan lebih teruk ada yang masih belum mengenal huruf jawi.

Bahagian seterusnya berkenaan **Halatuju (cabaran dan strategi)**

### 4. Apakah tulisan Jawi penting?

Amat Ya (58) Ya (91) kurang Ya (12) Kurang Tidak(6) Tidak(1) Amat Tidak(2)

58	34%	91	54%	12	7%	6	4%	1	1%	2	1%
----	-----	----	-----	----	----	---	----	---	----	---	----

Di sebalik hasil yang melemahkan penerimaan tulisan jawi. Para responden masih akur memperakui dengan semangat bahawa tulisan jawi ini masih dan amat penting (149) iaitu 88% dengan alasan ianya sebagai warisan ilmu yang menyumbang kepada budaya beragama, memudahkan pengamal mendekati diri dengan al-Quran dan ada juga berpendapat ia meneguhkan jatidiri Melayu dan perjuangan memartabatkan imej Melayu serta menampakkan betapa indahnya gabungan budaya Melayu dengan Islam apabila pengamalan tulisan jawi dibudayakan.

Hanya 3 responden iaitu 2% yang tidak melihat akan kepentingan memartabatkan penulisan jawi. Mereka ini mewakili generasi yang menolak secara lansung perjuangan tulisan jawi dan juga tidak menguasai tulisan jawi.

### 5. Adakah Islam akan hilang dengan Hilangnya Tulisan Jawi?

Soalan ini cuba melihat penegasan kaitan antara Islam dan Jawi sebagaimana soalan kedua tadi. Hasilnya ialah;

Amat Ya (13) Ya (22) kurang Ya (26) Kurang Tidak(21) Tidak(39) Amat Tidak(49)

13	8%	22	13%	26	15%	21	12%	39	23%	49	29%
----	----	----	-----	----	-----	----	-----	----	-----	----	-----

Seramai 35 responden / 21% melihat bahawa Islam bergantung harap kepada tulisan Jawi. Terdapat juga 26 responden yang masih keliru akan kebergantungan tersebut. Ia beralasan kerana Islam agama rasmi negara, ada kemungkinan kemerosotan semangat Melayu ada kaitan dengan kemerosotan tulisan jawi, kerana hanya orang berjiwa Melayu Islam yang memperjuangkan nasib tulisan jawi.

Namun yang menariknya seramai 88 responden 52% yang melihat bahawa Islam tidak bergantung harap dengan tulisan Jawi. Bahkan 29% berpendapat kebangkitan dan kemunduran tulisan jawi tiada kaitan dengan Islam. Alasan kukuh yang diberikan kerana Islam merentasi semua bahasa, tulisan rumi sedia ada masih selesa dan relevan dipakai di samping rujukan yang banyak.

Lagipun sepanjang masa tulisan rumi digunapakai, Islam masih tetap ada dan sering kali kemerosotan amalan Islam dikaitkan oleh unsur lain. Unsur lain inilah yang perlu diberi perhatian.

Penulis mengemukakan faktor kemerosotan tulisan jawi lain sebagai data sokongan;

- Kedudukan jawi sebagai satu mata pelajaran telah diserap dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam juga tidak mewajibkan penggunaan tulisan jawi dalam semua medium pembelajaran (buku, jawapan soalan dan nota), bahkan hanya digunakan untuk menulis ayat al-Quran dan matan Hadis sahaja. Terkadang, tulisan rumi digunakan untuk mengeja bunyi-bunyi sebutan ayat-ayat Al-Quran dan Hadis tersebut.
- Masyarakat kini banyak menyimpang dari ajaran Agama, al-Quran dan Hadis sudah mula direnggangkan. Kebudayaan beragama Islam dianggap kuno, senario negatif ini amat jelas pada masa kini. Gejala sosial di kalangan remaja semakin membimbangkan. Soal halal dan haram sudah mula dianggap remeh-temeh. Mereka tidak mendampingi Al-Quran.
- Tulisan jawi hanya diajarkan sepenuhnya di sekolah-sekolah agama. semua buku teks agama, nota, dan sebagainya, termasuk kertas soalan peperiksaan serta jawapannya dimestikan menggunakan tulisan jawi. (Haji Alipudin bin Haji Omarkandi, 2004)

6. Tulisan Jawi dulu hebat kerana Lingua Franca Bahasa Melayu dan penguasaan Islam. Sedangkan kini Lingua Franca ialah Inggeris dengan penguasaan ideologi Barat. Betulkah pandangan di atas?

Amat Ya (44) Ya (74) kurang Ya (20) Kurang Tidak(13) Tidak(15) Amat Tidak(4)

44	26%	74	44%	20	12%	13	8%	15	9%	4	2%
----	-----	----	-----	----	-----	----	----	----	----	---	----

Sebanyak 70% responden berpendapat pernyataan yang diketengahkan betul. Namun ramai 20% juga ragu-ragu akan isu Lingua franca ini. Sebaliknya ada 11% responden yang tidak bersependapat dengan pandangan yang diberikan. Dapatan ini turut menyokong usaha menjadikan tulisan dan bahasa arab sebagai bahasa Lingua Franca.

Isu ini perlu dilihat secara umum perkaitan antara melayu dengan jawi dan melayu dengan rumi. Jelas bahawa melayu lebih dipengaruhi barat apabila 11% responden tidak bersetuju walaupun masyarakat melayu asalnya menggunakan tulisan jawi sebelum itu.

Mereka berpandangan perubahan penulisan adalah satu proses dinamik. Apa yang penting pada masyarakat ialah kemudahan penggunaan dan kebolehpasarannya.

#### 7. Apakah faktor yang boleh mewajibkan anda menguasai Tulisan Jawi?

Dapatan untuk soalan ini bersifat kualitatif. Perkara paling utama dilihat oleh responden ialah sejauhmana keperihatinan setiap individu terhadap agamanya. Semakin kuat pengaruh agama Islam, semakin tulisan jawi lebih sedia dan selesa digunakan. Ianya dikaitkan dengan faktor tulisan al-Quran

Kedua, faktor ini dilihat paling penting oleh pengkaji iaitu mengadakan polisi dan penguatkuasaan pelaksanaan di semua peringkat pengurusan. Contohnya menukar akta tulisan rumi kepada tulisan jawi atau sekurang-kurangnya mengekalkan hak institusi yang memperjuangkan tulisan jawi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka ke tempat yang sebaiknya.

Ianya turut juga berkait rapat dengan pengaruh kepimpinan (politiking). Ia bermaksud alangkah baiknya ramai pemimpin negara yang mendokong kebangkitan tulisan jawi.

Antara cadangan yang diberikan juga ialah mengadakan kelas dan sistem pendidikan jawi secara meluas di semua peringkat pengajian tinggi dan rendah. Contoh lain seperti mengadakan subjek seni tulisan jawi.

Namun tidak dinafikan faktor peningkatan ilmu dengan minat mendalam turut penting. Samada ia lahir dari faktor kekeluargaan, rakan sebaya dan lain-lain lagi. Justeru, usaha membangkitkan motivasi perlu digiatkan.

Terdapat beberapa lagi pandangan yang semuanya memerlukan sokongan padu dan menyeluruh dari masyarakat. Antara justifikasi yang boleh membantu semangat/motivasi tinggi keperluan mengekalkan tulisan jawi ialah;

##### a) Tulisan asal masyarakat Melayu

Tulisan jawi merupakan tulisan asal bangsa Melayu semenjak abad ke-15 lagi dan menjadi nadi perbangunan Melayu. Contohnya Kerajaan Brunei Darussalam menjadikannya sebagai tulisan rasmi dalam pentadbiran kerajaan. (Haji Alipudin bin Haji Omarkandi, 2004)

Asalnya turut disokong oleh pengkajian tentang nama Jawi iaitu sendiri berdasarkan beberapa pandangan; nama gelaran Orang Arab terhadap Orang Melayu semenjak abad awal kelslaman Tanah Melayu (Syed Naquib aL-Attas, Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu, h.43) dan berasal daripada nama sumatera Lama al-Jawah iaitu JavaDwipa iaitu sebuah daerah Asia Tenggara pada zaman purbakala. Pandangan kedua ini pernah digunakan dalam catatan Arab yang tertulis sebelum pertengahan Abad ke-14 M disokong oleh ramai sejarawan.<sup>4</sup>

##### b) Lebih ilmiah dari tulisan Sanskrit dan Rumi.

Peningkatan budaya penulisan dan minda berfikir bangsa Melayu diransang oleh bahasa Arab yang mempunyai kecenderungan saintifik iaitu yang bersifat 'aqliyah berdasarkan

---

<sup>4</sup> Contoh seperti Hashim Haji Musa, Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi, Amat Juhairi Moain dan Omar Awang merujuk kepada Yaqut dalam Mu'jan al-Buldan, Abu Al-Fida' dalam Taqwim al-Buldan dan Ibn Batutah dalam Rihlah Ibn Batutah. W.Marsden dan G.H Werndly berkenaan apa yang disebut oleh Marco Polo.

kepada ilmu pengetahuan dan mempunyai struktur bahasa mengikut tatatertib ilmiah. Ia berlainan dengan bahasa Sanskrit yang lebih mementingkan nilai-nilai estetika yang terbatas kepada sifat seni yang berdasarkan kepada pancaindera dan jiwa untuk menikmati kesenian bahasanya. Penggunaan alphabet Arab sebagai tulisan bangsa Melayu Islam amat sesuai kerana ia mempunyai gaya bahasa yang jelas, tertib dan teratur serta tidak terkeluar dari batas fikiran ilmiah dan rasional manusia. Tulisan jawi dapat mengungkapkan istilah-istilah agama dengan tepat, sedangkan tulisan Rumi, jika digunakan, boleh mengelirukan dari segi sebutannya yang juga membawa kepada makna lain. Dengan tulisan jawi, para ulama dan guru agama dapat menyusun kitab-kitab agama atau menterjemahkan kitab-kitab agama daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu. ([tanyalahustaz\\_pdi@yahoo.com](mailto:tanyalahustaz_pdi@yahoo.com))

#### c) Berkaitan rapat dengan Agama Islam

Contoh perkaitan boleh dilihat dalam amalan solat. Ada dua perkara yang ada hubungkaitnya dengan tulisan jawi iaitu dari segi amalan; apabila seorang mukmin menunaikan solat dengan sendirinya ia berbahasa Arab dan secara tidak langsung ia belajar mengeja huruf jawi yang terkandung dalam bacaan-bacaan dalam solat. seterusnya dari segi makna; dengan memahami makna bacaan-bacaan dalam solat, seseorang itu menjadi khusyuk. Seseorang yang tersalah sebut bacaan-bacaan seperti baris dan makhraj huruf, maka dengan sendirinya ia mengubah makna bacaan dan solat tidak sempurna, maka hukum bacaannya tidak sah (Zainut Talib, Bab Toharah dan Solat) contohnya:

الذين الذين Dibaca ف رد - أ صلي Dibaca أصلي -  
 و ب همد ال عظم يم ربّي س بهان Dibaca و ب حمده ال عظم يم ربّي س بحان -  
 ن س تع بين إياك ن ع بد إياك Dibaca ن س تع بين وإياك ن ع بد إياك -  
 (”و“ gugur huruf)

Tidak keterlaluan penulis katakan bahawa kemahiran dalam tulisan jawi merupakan asas kepada mempelajari bahasa Arab dan seterusnya memahami kandungan Al-Quran. Kenal Al-Quran Al-Karim bererti kita cinta Al-Quran. (Dr. Mohd. Zain, Bab Toharah dan Solat)

## 4. Rumusan hasil dan Strategi

Ringkasnya hasil kajian ini mendapati;

### Penerimaan

1. Tulisan Jawi boleh mengambilalih penggunaan tulisan Rumi pada masa hadapan.
2. Islam boleh membangun/mantap tanpa tulisan Jawi pada masa hadapan
3. Tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan remaja lemah

\*Remaja kini optimis melihat bahawa ada ruang untuk tulisan jawi diberikan tempat walaupun mereka lemah penguasaan jawi dan Islam boleh berdiri tanpa tulisan jawi.

### Halatuju (cabaran dan strategi)

4. Tulisan Jawi penting
5. Islam tidak hilang dengan hilangnya tulisan jawi
6. Usaha Lingua Franca Melayu perlu seiring dengan tulisan jawi. Ia perlu dimudahkan penggunaan dan dibolehpasaran.
7. Faktor yang boleh mewajibkan penguasaan Tulisan Jawi ialah:
  - Memperkuat amalan beragama Islam.
  - Mengadakan polisi dan penguatkuasaan.
  - Membanyakkkan bilangan kepimpinan (politiking) yang perjuangkan tulisan jawi.
  - Membanyakkkan kelas dan meluaskan sistem pendidikan jawi.
  - Meningkatkan ilmu dan mendalam minat.
  - sokongan padu dengan semangat/motivasi tinggi

\*Tulisan jawi penting, namun ia tidak memberi kesan negatif kepada Islam sekiranya ia tidak diterima. Usaha Lingua Franca bahasa Melayu perlu seiring dengan tulisan jawi yang perlu diwajibkan penggunaan melalui beberapa kaedah.



Amanah untuk mengangkat martabat bangsa, budaya dan bahasa bukan perkara yang mudah dalam dunia mutakhir dan serba digital ini. Pola pemikiran manusia sudah banyak berubah sesuai dengan perkembangan zaman. Kepercayaan yang diberi memerlukan kita untuk lebih perihatin, punya iltizam yang tinggi dan kejituan hati yang tulus dan luhur untuk menjayakan matlamat yang sudah direncanakan.

Hasil dapatan bagi soalan nombor 2 dan 5 memberi tamparan hebat kepada halatuju tulisan jawi sekiranya remaja kini memandang jawi tidak dikaitkan dengan Islam kerana ia sekaligus menafikan peranan besar tulisan jawi sebelum ini. Perkara inilah yang dimaksudkan penulis pada awal kertas kerja tadi, iaitu berkenaan usaha memartabatkan tulisan jawi perlu seiring dengan keperluan dan kewajaran kelangsungannya. Kewajaran penggunaan perlu mengambilkira permintaan dan kepentingan semasa, kerana ia mencerminkan pembangunan seimbang dan rancak. Isu permintaan adalah hak masyarakat. Dalam sebuah negara demokrasi ia amat ketara sekali. Justeru, para pemimpin, cendekiawan dan semua muslim perlu bangkit memartabatkan tulisan jawi. Sekiranya fenomena tadi diterima semua dan dibudayakan, tulisan Jawi pastinya berkubur awal.

Selain kajian yang dijalankan, penulis turut mengadakan pengamatan sampingan merujuk kepada pandangan beberapa pengkaji lain. Pastinya, masyarakat kini memerlukan kemahiran menggunakan tulisan jawi agar apa yang tersirat dan tersurat di dalam tulisan jawi itu betul-betul difahami dan dapat dimanfaatkan untuk kepentingan bersama dalam membentuk sebuah masyarakat yang menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna.

Peranan sekolah-sekolah agama amat penting dalam usaha memartabatkan tulisan jawi daripada mengalami kemalapan terus dalam arus pendidikan moden yang keseluruhan mata pelajarannya menggunakan tulisan rumi kerana institusi itu membolehkan pelajar-pelajar menguasai tulisan jawi. Para ulama dan guru agama menyokong kuat tulisan jawi digunakan di sekolah-sekolah agama kerana tulisan jawi dapat mengungkapkan istilah-istilah agama dengan tepat. (Haji Alipudin bin Haji Omarkandi, 2004)

Mantan Mufti Kerajaan Brunei Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Dr. Ustaz Awang Haji Ismail Bin Omar Abdul Aziz berkata "Tulisan Melayu atau tulisan Al-Quran itu adalah suatu sumber ilmu pengetahuan Islam, kerana kitab Islam bahasa Melayu dan Kitab Islam ditulis dengan huruf Melayu atau huruf Al-Quran. Dari itu hendaklah ibu bapa dan guru-guru beramal dengan tulisan Melayu atau dengan huruf Al-Quran dalam kehidupan sehari-hari supaya dapat dibiasakan anak membaca huruf Al-Quran dan membaca kitab agama dalam tulisan jawi."

Untuk menghidupkan jatidiri Melayu dan tulisan jawi, masyarakat Islam perlu sebaris dengan pejuang pena ini agar gema suara memartabatkan tulisan jawi dapat direalisasikan. Antara mereka seperti<sup>5</sup>; Azman Anuar (2006), Mohamad Ridzuan Wahab (2006), Profesor

---

<sup>5</sup>Azman Anuar, "Perjuangkan Bahasa Melayu, tulisan jawi" Utusan Melayu, 18 dan 20.11.2006  
Mohamad Ridzuan Wahab, "Tulisan jawi penuhi keperluan Bahasa Melayu" Utusan Melayu, 10.07.2006  
"Martabat bahasa Melayu berteras tulisan Jawi", Berita Harian, 22.10.2007  
"Akta Bahasa perlu liputi tulisan jawi" Utusan Malaysia, 13.11.1993  
Profesor Akhbar "Akta Bahasa 1963 pinggirkan tulisan jawi" Utusan Malaysia, 26.09.2000  
"Dewan Bahasa akan anjurkan konvensyen tulisan jawi", Utusan Zaman, 27.11.1983  
Pak Matlob, "Kembalikan tulisan jawi ke subjek bahasa Melayu", Berita Minggu, 29.01.2006  
Pak Matlob, "Projek Dewan Bahasa dan Pustaka memulihara tulisan jawi", Berita Minggu, 12.08.2001  
"Masukkan jawi ke dalam Akta Bahasa Kebangsaan sebagai tulisan rasmi", Utusan Zaman, 10.11.1991

Akhbar (2000), Pak Matlob (2001,2003,2006), Yatim Taubatal Andam (2006), Khairul Arifin Mohd. Munir (2002), Amat Juhari Moain, (1991, 1995), Abdul Razak (2000, 2002), Muhammad Fauzi Jumingan (2004), Umar Junus(1998), Waris Pendeta (2007), Norazlinda Misran (2003,2008), H. M. Jajuli (2002), Mazlan A. Aziz (1999), Samat Buang (2007), Nik Safiah Karim (1998), Aminah Harun (1989, 1990), Mohd. Hussein Baharuddin (2000), Manshoor Hj. Ahmad (1994, 1995), Junaidah Ahmad Ghazali (2003), Abdul Jalil Anuar (2006), Hamdan Abd Rahman (1987), Zaharudin Abd. Rahman (2003), Wan Abd. Hamid Wan Teh (2003), Azrina Md. Zain (2003), Fauzi Abdul Rahman (1999), Hamdan Abdul Rahman (2003), Tasnim Mokhtar dan Badruzaman Abd. Hamid (1995) (Pusat rujukan persuratan melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka).

---

Yatim Taubatal Andam, "DBPS akan temui semua PBT berhubung penggunaan bahasa termasuk cadangan guna tulisan jawi", New Sabah Times, 14.03.2006

"Tulisan jawi hendaklah dimasukkan ke dalam Akta Bahasa Kebangsaan", Utusan Malaysia, 09.11.1991

Khairul Arifin Mohd. Munir, "Pastikan bahasa Melayu tidak terpinggir seperti tulisan jawi", Utusan Malaysia, 24.07.2002

"Resolusi mahu tulisan jawi dimasukkan dalam akta bahasa", Utusan Melayu, 09.11.1991

Amat Juhari Moain, "Tiada Tulisan jawi sebagai wahana pelestarian bahasa, budaya dan tamadun dunia Melayu", Kongres Bahasa Melayu Sedunia, Jilid II 1995 KK 499.23

Abdul Razak, "Tulisan jawi dan perkembangan bahasa Melayu", Pelita Bahasa, 10 September 2002

Muhammad Fauzi Jumingan, "Pengaruh bahasa Arab dalam tulisan jawi", Dewan Bahasa1 April 2004

Umar Junus, "Bahasa Melayu antara lingua franca dengan tradisi tulisan", Dewan Budaya,1 Januari 1998

Waris Pendeta, "Pemeriksaan tulisan jawi", Pelita Bahasa, 1 Januari 2007

Norazlinda Misran, "Tulisan jawi khazanah bangsa", Dewan Bahasa1 Disember 2003

H. M. Jajuli, "Tulisan Jawi dalam Kenangan", Pelita Bahasa 1 Februari 2002

Mazlan A. Aziz, "Memartabatkan tulisan jawi", Pelita Bahasa1 Januari 1999

Samat Buang, "Mengembalikan maruah tulisan jawi", Pelita Bahasa1 Januari 2007

Nik Safiah Karim, "Tulisan jawi memerlukan pendekatan baharu", Pelita Bahasa 1 November 1998

Aminah Harun, "Tulisan jawi di sekolah: pelaksanaannya bagaimana?" Pelita Bahasa1 Mac 1990

Junaida A.G, "Tulisan Jawi yang semakin dilupakan" Pelita Bahasa1 Januari 1997

Mohd. Hussein Baharuddin, Tulisan Jawi : Perkembangan dan Cabaran, Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu1 November 2000

Abdul Razak, "Akan berakhirkah tulisan Jawi?" Pelita Bahasa 1 September 2000

Manshoor Hj. Ahmad, "Tulisan Jawi: nostalgia atau simpati?" Pelita Bahasa 1 September 1994

Manshoor Hj. Ahmad, Tulisan Jawi: Mengapa perlunya penyelarasan? Pelita Bahasa1 Disember 1994 dan Januari 1995.

Amat Juhari Moain, "Sejarah tulisan jawi", Jurnal Dewan Bahasa 1 November 1991

Junaidah Ahmad Ghazali, "Melestarikan Tulisan Jawi Agenda Semua", Pelita Bahasa1 November 2003

Abdul Jalil Anuar, "Menyemarakkan penggunaan tulisan jawi", Pelita Bahasa1 Julai 2006

Aminah Harun, "Tulisan jawi: tak kenal maka tak cinta", Pelita Bahasa1 Ogos 1989

Hamdan Abd Rahman, "Tulisan jawi sebagai penyatu umat Melayu", Dewan Bahasa1 November 1987

Zaharudin Abd. Rahman, "Mengembalikan Kegemilangan Tulisan Jawi", Pelita Bahasa1 November 2003

Norazlinda Misran, "Pengayaan ilmu melalui tulisan Jawi", Pelita Bahasa1 November 2008

Wan Abd. Hamid Wan Teh, "Tulisan Jawi Penjana Ketajaman Minda", Pelita Bahasa1 November 2003

Matlob, "Orang Melayu tidak Peka akan Tulisan Jawi", Pelita Bahasa1 November 2003

Azrina Md. Zain, "Meladeni dan Melestarikan Hayat Tulisan Jawi", Pelita Bahasa1 November 2003

Fauzi Abdul Rahman, "Sejarah dan arah masa depan tulisan jawi", Pelita Bahasa1 April 1999

Hamdan Abdul Rahman, "Imbasan Sejarah Pemerksaan dan Peminggiran Tulisan Jawi" Pelita Bahasa1 November 2003

Tasnim Mokhtar; Badruzaman Abd. Hamid, "Sistem tulisan Jawi abad ke-19: satu perbandingan dengan abad ke-14 dan abad ke-16", Jurnal Dewan Bahasa1 April 1995

Rujukan:

- Amat Juhari Moain. 1996. *Perancangan Bahasa: Sejarah Askara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Isahak Haron, Abdul Rahim Razali, Zainiah Mohamed Isa, Samri Sainuddin & Nordin Mamat. 2005. *Kajian Keberkesanan Pengajaran Jawi di Sekolah Rendah menggunakan kaedah Gabungan Bunyi-Kata*. atas talian – <http://rmc.upsi.edu.my/v2/ewacana/Jawi.htm>.
- Nik Rosila Nik Yaakob. 2007. *Penguasaan Jawi dan Hubungannya Dengan Minat dan Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Islam*. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jil. 22, 161–172. Universiti Sains Malaysia.
- Sabariah Bahrun. 2008. *Model Pemulihan Jawi: satu analisis pelaksanaannya di Sekolah Rendah Sabah*. Prosiding Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-6, hlm: 523-534.
- Siti Fatimah Ahmad, Normizan Abang & Zamri Rajab. 2007. *Tahap Penguasaan Huruf Tunggal Jawi Dalam Kalangan Murid Tahun Satu Kelas Pemulihan Jawi Program j-QAF di sebuah sekolah di Sarikei, Sarawak*. Jurnal Penyelidikan Ipera 2008. Bintangor: Institut Perguruan Rajang.
- Siti Fatimah Saufee. 2007. *Penguasaan Tulisan Jawi dalam Kalangan Murid Tahap Satu di Sebuah Sekolah Rendah di Meradong, Sarikei, Sarawak*. Jurnal Ipera edisi Khas. Bintangor: Institut Perguruan Rajang.
- Haji Alipudin Haji Omarkandi, 2004, Tulisan Jawi tidak boleh diabaikan, Kertas Kerja Seminar Tahunan Jabatan Bahasa Melayu Dan Linguistik, Brunei Darussalam.
- Dato Seri Dr. Awang Haji Ismail Bin Omar Abdul Aziz Rahmatullah Alaihi, Tasawuf dan Tarikat Menurut Pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- Awg. Matassim bin Hj Jibah & Awg Matusin bin Omar, 1982, Sejarah dan Perkembangan Tulisan Jawi, Kertas Kerja Seminar Peningkatan Dan Penyibaran Tulisan Jawi.
- Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Zainut Talib (Bab Toharah dan Solat).
- Laman Web/blog:  
tanyalahustaz\_pdi@yahoo.com  
Pusat rujukan persuratan melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka; dan  
Siti Fatimah Ahmad (Munsiy Dewan)